



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2012

**KENAIKAN GAJI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN
DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

PENETAPAN KADAR DAN KELAYAKAN ELAUN YANG DIPINDA1. **Bayaran Insentif Wilayah dan Bayaran Insentif Penempatan Sabah, Sarawak Atau Labuan**

Lingkungan gaji bagi menetapkan kadar Bayaran Insentif Wilayah di perenggan 1 Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007, serta Bayaran Insentif Penempatan Sabah, Sarawak dan Labuan di Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010 dipinda seperti berikut:

Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan)	Peratusan Daripada Gaji Yang Diterima
RM6,289.14 dan ke atas	12.5%
RM4,029.64 - RM6,289.13	15.0%
RM2,015.74 - RM4,029.63	17.5%
RM1,329.74 - RM2,015.73	20.0%
RM951.35 - RM1,329.73	22.5%
RM951.34 ke bawah	25.0%

2. **Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' Bagi Pegawai Yang Bergaji Kurang Daripada RM1,820.75 Sebulan**

Gaji pegawai yang layak dipertimbangkan Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' seperti di perenggan 2 Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007 dipinda daripada RM1,611.28 kepada RM1,820.75 sebulan. Syarat pertimbangan hendaklah mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1984.